# Pemasyhuran Malaysia

Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman membacakan Pemasyhuran Malaysia di Stadium Merdeka pada pagi 16 September 1963. Berikut ialah teks pemasyhuran yang dibaca beliau:



**Pemasyhuran Malaysia**

*Dengan nama Allah Yang Maha Murah lagi Maha Mengasihani. Segala puji-pujian bagi Allah Tuhan seru sekalian alam dan selawat dan salam bagi junjungan kita Nabi Muhammad dan bagi sekalian keluarga serta sahabat-sahabatnya.*

*Bahawasanya oleh kerana suatu Perjanjian yang diperbuat pada Sembilan hari bulan Julai tahun Seribu Sembilan Ratus Enam Puluh Tiga antara Persekutuan Tanah Melayu, United Kingdom, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura maka telah dipersetujui bahawa hendaklah disekutukan Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Negeri Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi Negeri Pahang, Negeri Terengganu, Negeri Kedah, Negeri Johor, Negeri Sembilan, Negeri Kelantan, Negeri Selangor, Negeri Perak, Negeri Perlis, Negeri Pulau Pinang dan Negeri Melaka dan bahawa Persekutuan itu hendaklah dinamakan "Malaysia".*

*Dan bahawasanya oleh kerana pihak-pihak dalam Perjanjian yang tersebut telah bersetuju bahawa mulai daripada penubuhan Malaysia maka Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Negeri Singapura hendaklah tamat daripada menjadi jajahan takluk Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen tiada lagi mempunyai kedaulatan dan kuasa dalam ketiga-tiga buah Negeri itu;*

*Dan bahawasanya oleh kerana telah dimasyhurkan suatu Perlembagaan bagi Malaysia yang akan menjadi kanun yang muktamad di dalamnya;*

*Dan bahawasanya oleh kerana Perlembagaan yang tersebut itu telah diadakan syarat bagi menjaga keselamatan hak-hak dan keutamaan-keutamaan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja serta hak-hak asasi dan kebebasan sekalian rakyat dan bagi mengekalkan keamanan dan kemesraan di dalam Malaysia sebagai Kerajaan yang*

*mempunyai Raja yang berperlembagaan dan yang berdasarkan demokrasi cara berparlimen;*

*Dan bahawasanya oleh kerana Perlembagaan yang tersebut itu telah disahkan oleh suatu undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen Persekutuan Tanah Melayu dan Parlimen United Kingdom maka telah berjalanlah kuatkuasa Perlembagaan itu pada Enam Belas hari bulan September tahun Seribu Sembilan Ratus Enam Puluh Tiga;*

*Maka dengan nama Allah Yang Maha Murah lagi Maha Mengasihani, saya* ***Tunku Abdul Rahman Putra ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah****, Perdana Menteri Malaysia dengan persetujuan dan perkenan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Terutama Yang di-Pertuan Negeri Singapura, Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Yang Terutama Gabenor Negeri Sarawak dengan ini mengisytihar dan memasyhurkan bagi pihak umat Malaysia bahawa mulai daripada Enam Belas hari bulan September tahun Seribu Sembilan Ratus Enam Puluh Tiga bersamaan dengan Dua Puluh Lapan hari bulan Rabiul Akhir tahun Hijrah Seribu Tiga Ratus Lapan Puluh Tiga, Malaysia yang mengandungi Negeri Pahang, Negeri Terengganu, Negeri Kedah, Negeri Johor, Negeri Sembilan, Negeri Kelantan, Negeri Selangor, Negeri Perak, Negeri Perlis, Negeri Pulau Pinang, Negeri Melaka, Negeri Singapura, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dengan izin dan kehendak Allah Rabbul–Alamin akan kekal menjadi sebuah Negara demokrasi yang merdeka lagi berdaulat serta berasaskan kebebasan dan keadilan dan sentiasa mempertahankan serta memelihara keamanan dan kemesraan umatnya dan mengekalkan keamanan di antara segala bangsa di dunia ini.*

# فمشهوران مليسيا

دڠن نام الله يڠ مها موره لاݢي مها مڠاسيهاني، سکل فوجين٢ باݢي الله توهن سرو سکلين
عالم دان صلوات دان سلام باݢي فڠهولو کيت نبي محمد دان باݢي سکلين کلوارݢڽ سرت صحابتڽ.

بهواسنۑ اوليه كران سوات فرجنجين يڠ دفربوات ڤد سمبيلن هاريبولن جولاي تاهون
سريبو سمبيلن راتوس انم فوله تيݢ انتارا فرسکوتوان تانه ملايو، يونايتيد کيڠدم، بورنيو اوتارا،
سراوق دان سيڠاڤورا مک تله دفرستوجوءي بهوا هندقله دسکوتوکن نݢري سابه،
نݢري سراوق دان نݢري سيڠاڤورا دڠن فرسکوتوان تانه ملايو يڠ مڠندوڠي
نݢري ڤهڠ، نݢري ترڠݢانو، نݢري قدح، نݢري جوهر، نݢري سمبيلن، نݢري کلنتن،
نݢري سلاڠور، نݢري ڤيراق، نݢري ڤرليس، نݢري ڤولاو ڤينڠ دان نݢري ملاک
دان بهوا فرسکوتوان ايت هندقله دناماکن "مليسيا".

دان بهواسنۑ اوليه كران ڤيهق٢ دالم فرجنجين يڠ ترسبوت تله برستوجو بهوا مولاءي
درفد هاري مليسيا مک نݢري سابه، نݢري سراوق دان نݢري سيڠاڤورا
هندقله تمت درفد منجادي جاجهن تعلوق دولي يڠ مها مليا باݢيندا کوين
دان دولي يڠ مها مليا باݢيندا کوين تيادا لاݢي ممفوڽاءي کدولتن دان کواس
دالم کتيک٢ براه نݢري ايت؛

دان بهواسنۑ اوليه كران تله دمشهورکن سوات فرلمبڬان باݢي مليسيا يڠ اکن منجادي
قانون يڠ معتمد دالمڽ؛

دان بهواسنۑ اوليه كران فرلمبڬان يڠ ترسبوت ايت تله داداکن شرط باݢي منجالنکن کسلامتن حق٢
دان کأوتمأن دولي٢ يڠ مها مليا راج٢ سرت حق٢ اساسي دان کبيبسن سکلين رعيت دان
باݢي مڠمباڠکن کأمانن دان کمعمورن دالم مليسيا سباݢي کراجأن يڠ معمور يڠ براج يڠ برفرلمبڬان
دان يڠ براساسکن ديموقراسي چارا برفارليمن؛

دان بهواسنۑ اوليه كران فرلمبڬان يڠ ترسبوت ايت تله دصحکن اوليه سوات اونداڠ٢ يڠ دلولوسکن
اوليه فارليمن فرسکوتوان تانه ملايو دان فارليمن يونايتيد کيڠدم مک تله برجالن قوات کواس فرلمبڬان
ايت ڤد انم بلس هاريبولن سڤتيمبر تاهون سريبو سمبيلن راتوس انم فوله تيݢ،

مک دڠن نام الله يڠ مها موره لاݢي مها مڠاسيهاني، ساي، تڠکو عبدالرحمن ڤوترا الحاج ابن
المرحوم سلطان عبدالحميد حليم شاه، ڤردان منتري مليسيا دڠن فرستوجوان دان فرکنن کباوه دولي
يڠ مها مليا سري ڤادوک باݢيندا يڠ دڤرتوان اݢوڠ، يڠ ترأوتام يڠ دڤرتوان نݢارا سيڠاڤورا، يڠ ترأوتام
يڠ دڤرتوا نݢري سابه دان يڠ ترأوتام ݢابنور نݢري سراوق دڠن اين مڠاشتهارکن دان مشهورکن
باݢي ڤيهق اومة مليسيا بهوا مولاءي درفد انم بلس هاريبولن سڤتيمبر تاهون سريبو سمبيلن راتوس
انم فوله تيݢ برسامأن دڠن دوا فوله لاڤن هاريبولن ربيع الآخر تاهون هجرية سريبو تيݢ راتوس
لاڤن فوله تيݢ مليسيا يڠ مڠندوڠي نݢري ڤهڠ، نݢري ترڠݢانو، نݢري قدح، نݢري جوهر،
نݢري سمبيلن، نݢري کلنتن، نݢري سلاڠور، نݢري ڤيراق، نݢري ڤرليس، نݢري
ڤولاو ڤينڠ، نݢري ملاک، نݢري سيڠاڤورا، نݢري سابه دان نݢري سراوق دڠن
ايذين دان کهندق الله رب العالمين اکن ککل منجادي سبواه نݢارا ديموقراسي يڠ مرديک
لاݢي بردولة سرت براساسکن کبيبسن دان کعاديلن دان سنتياس ممفرتاهنکن سرت
ممليهاراکن کأمانن دان کمعمورن اومتڽ دان مڠکلکن کأمانن دانتارا سکل بڠسا د دنيا
ايت .

تڠکو عبدالرحمن

ڤردان منتري .

کوالا لومڤور .
انم بلس هاريبولن سڤتيمبر، 1963.

# PROCLAMATION
## OF
# MALAYSIA

**In the name of God, the Compassionate, the Merciful.**

**Praise be to God, the Lord of the Universe, and may the benediction and peace of God be upon Our Leader Muhammad and upon all His Relations and Friends.**

**WHEREAS** by an Agreement made on the Ninth day of July in the year one thousand nine hundred and sixty-three between the Federation of Malaya, the United Kingdom, North Borneo, Sarawak and Singapore it was agreed that there shall be federated the States of Sabah, Sarawak and Singapore with the Federation of Malaya comprising the States of Pahang, Trengganu, Kedah, Johore, Negri Sembilan, Kelantan, Selangor, Perak, Perlis, Penang and Malacca, and that the Federation shall thereafter be called "Malaysia":

**AND WHEREAS** it has been agreed by the parties to the said Agreement that as from the establishment of Malaysia the States of Sabah, Sarawak and Singapore shall cease to be colonies of Her Majesty the Queen and Her Majesty the Queen shall relinquish Her sovereignty and jurisdiction in respect of the three States:

**AND WHEREAS** there has been promulgated a Constitution for Malaysia which shall be the supreme law therein:

**AND WHEREAS** by the Constitution aforesaid provision has been made for the safeguarding of the rights and prerogatives of Their Highnesses the Rulers and the fundamental rights and liberties of subjects and for the promotion of peace and harmony in Malaysia as a constitutional monarchy based upon parliamentary democracy:

**AND WHEREAS** the Constitution aforesaid having been approved by a law passed by the Parliaments of the Federation of Malaya and of the United Kingdom has come into force on the Sixteenth day of September in the year one thousand nine hundred and sixty-three:

**NOW** in the name of God the Compassionate, the Merciful, I, **TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ IBNI ALMARHUM SULTAN ABDUL HAMID HALIM SHAH,** Prime Minister of Malaysia, with the concurrence and approval of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong of the Federation of Malaya, His Excellency the Yang di-Pertuan Negara of Singapore, His Excellency the Yang di-Pertuan Negara of Sabah and His Excellency the Governor of Sarawak **DO HEREBY DECLARE AND PROCLAIM** on behalf of the peoples of Malaysia that as from the Sixteenth day of September in the year one thousand nine hundred and sixty-three, corresponding to the Twentyeighth day of Rabi'ul Akhir in the year of the Hijrah one thousand three hundred and eighty-three, that **MALAYSIA** comprising the States of Pahang, Trengganu, Kedah, Johore, Negri Sembilan, Kelantan, Selangor, Perak, Perlis, Penang, Malacca, Singapore, Sabah and Sarawak shall by the Grace of God, the Lord of the Universe, forever be an independent and sovereign democratic State founded upon liberty and justice, ever seeking to defend and uphold peace and harmony among its peoples and to perpetuate peace among nations.

Kuala Lumpur,
Sixteenth day of September, 1963.

Prime Minister.